

# Input di Multaqa jadi kandungan program RTM

UM 18 JUL 2003

**K**UALA LUMPUR 17 Julai — Pandangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengenai Islam dan idea para ulama pada Multaqa Ulama Sedunia akan dijadikan isi kandungan program-program agama yang disiarkan oleh *Radio Televisyen Malaysia (RTM)*.

Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaakob berkata, langkah itu bertujuan memberi wajah baru kepada program berkenaan, termasuk rancangan *Forum Perdana* bagi meningkatkan jumlah penonton.

"Kita akan ambil semua input Multaqa Ulama Sedunia termasuk pandangan Syeikh Al-Azhar untuk dijadikan landasan dalam program-program agama supaya ia pulih menjadi popular seperti dulu," katanya.

Beliau menyatakan demikian pada sidang akhbar selepas menyampaikan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Kementerian Penerangan 2002 di sini hari ini.

Multaqa Ulama Sedunia yang pertama kali dianjurkan minggu lalu telah dihadiri oleh kira-kira 800 ulama dan cendekiawan Islam termasuk Syeikh Al-Azhar, Dr. **Mohammad Sayed Tantawi** bagi membincangkan permasalahan umat.

Ketika merasmikan multaqa itu, Perdana Menteri menggariskan bahawa umat Islam terlebih dahulu menguasai ilmu jika mereka mahu keluar daripada belenggu keadilan dan kehinaan sekarang.

Dr. Mahathir berkata, ilmu juga akan membolehkan umat Islam menguasai bidang ekonomi baru seperti teknologi komunikasi dan maklumat yang merupakan sumber pertumbuhan baru ekonomi dunia.

Sheikh Al-Azhar pula menekankan, penguasaan ilmu moden adalah wajib ke atas umat Islam supaya maruah agama tidak diperlekehkan.

Khalil berkata, langkah untuk melakukan perubahan kepada program agama itu akan dilaksanakan sebaik sahaja kementerian mengambil alih menerbitkan program tersebut daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) tidak lama lagi.

"Semua jawatankuasa di peringkat pegawai yang dianggotai oleh wakil kementerian, dan Jakim telah ditubuhkan untuk mengesyorkan cadangan kepada menteri dan Penasihat Perdana Menteri," katanya.

Khalil berkata, jumlah penonton untuk beberapa program agama terutama *Forum Perdana* semakin berkurangan berbanding sebelum ini kerana dipersembahkan dengan cara yang tidak menarik.

Dalam pada itu, seramai 548 daripada 6,917 kakitangan Kementerian Penerangan menerima anugerah pada majlis tersebut yang dianjurkan setiap tahun bagi menghargai kakitangan berprestasi cemerlang dari seluruh negara.